



TAHNIAH ... Pelajar PHD, Babianah Thomas menerima bantuan dari Dr Arsiah.

## UMS tawar bantuan pengajian pasca siswazah

NST 24.11.2018 5

KOTA KINABALU: Seramai 63 orang pelajar pascasiswazah berjaya mendapat bantuan kewangan bagi meneruskan pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah secara sepenuh masa di UMS. Pada semester I sesi 2018/2019.

Bantuan ini dilaksanakan di bawah skim yang dikenali sebagai Skim Bantuan Pascasiswazah (SBP) UMS.

Majlis penyerahan Surat Tawaran disempurnakan oleh Prof Dr Hajah Arsiah Hj Bahron, Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS di bangunan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS KELAMRIN.

Dr Arisah berkata SBP mewajibkan para pelajar untuk berada dalam kampus pada hari bekerja dan perlu membantu fakulti masing-masing selama tidak melebihi enam jam kredit seminggu.

"Hal ini akan memastikan para pelajar tidak hilang fokus kepada penyelidikan mereka di samping da-

pat mendisiplinkan diri untuk sentiasa berada dalam kampus sekiranya tidak terlibat dengan penyelidikan di lapangan," katanya.

Beliau turut meminta para pelajar diminta untuk sentiasa peka kepada pelbagai siri kursus berkaitan penyelidikan yang dianjurkan dari semasa ke semasa oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Katanya, para pelajar juga digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam program-program yang dikendalikan oleh Persatuan Pelajar Pascasiswazah di bawah naungan Pusat Pengajian Pascasiswazah. Hal ini penting agar para pelajar dapat mengikuti pengajian dengan sistematis dan tersusun.

"Aktiviti bersama rakan pelajar pascasiswazah yang lain menerusi Persatuan Pelajar Pascasiswazah juga akan memberi ruang kepada mereka untuk berkongsi pelbagai maklumat literatur dan seumpamanya," kata Dr



PENERIMA ... Dr Arsiah dan Dr Jakarta bergambar kenangan bersama para penerima.

Hajah Arsiah sambil menambah bahawa keberadaan pelajar dalam kampus juga akan memudahkan interaksi yang proaktif berlaku di antara penyelia dan pelajar. Dengan yang demikian, kemajuan pengajian akan dapat dipastikan kelancarannya.

Dalam majlis yang sama, Timbalan Dekan (Kebajikan Pelajar) Dr Jakarta Dasan selaku mengajak para penerima SBP agar dapat melihat bantuan yang disediakan oleh UMS itu sebagai suatu akuanji bahawa mereka akan berusaha lebih keras menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Beliau berkata ini akan membolehkan mereka melengkapkan pengajian dengan jayanya. Sekaligus, memberi kegembiraan kepada kedua ibu bapa, dan ahli-ahli keluarga yang lain.

Pada masa yang sama Dr Jakarta juga menekankan mengenai elemen 3K yakni kursus, kolokium dan komitmen yang boleh menjamin kejayaan pelajar pascasiswazah. Pelajar perlu rajin mengikuti kursus yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah dan Fakulti, membentang kertas penyelidikan di kolokium yang dianjurkan dan komited kepada pelan

pengajian atas nasihat penyelia mereka.

SBP ditawarkan pada setiap semester pengajian dan terbuka hanya kepada pelajar pascasiswazah sepenuh masa UMS yang berada di Semester 2 hingga Semester 4 pengajian sahaja.

Tempoh bantuan adalah berdasarkan kepada empat semester untuk Sarjana dan enam semester untuk Doktor Falsafah. Orang ramai yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai skim ini boleh melayari laman web <http://www.ums.edu.my/pascav2/en>